

# Anugerah pembakar semangat graduan

ALOR SETAR 19 Okt. – Berbekalkan semangat untuk memajukan diri dan membahagiakan ibu setelah kematian ayah tersayang, seorang graduan Kolej Universiti Insaniah (Insaniah) berjaya memperoleh Anugerah Jaizah Imtiyaz (Rektor) pada majlis konvokesyen ke-12 kolej tersebut hari ini.

Rabiatul Adawiyah Ismail, 21, yang mengambil Diploma Teknologi Maklumat berjaya memperoleh purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.79 dan menjadi graduan terbaik bagi jabatan tersebut.

Katanya, dia kasihankan ibunya, Sobiah Abu, 55, yang terpaksa bekerja keras menjadi tukang masak demi menyara keluarga selepas kematian ayahnya lima tahun lalu.

“Saya berazam untuk menjadi insan yang berjaya dan membahagiakan ibu dengan kejayaan ini.

“Hari ini saya berjaya juga mencapai impian untuk menjadi yang terbaik dan bercadang untuk memajukan diri dalam bidang teknologi maklumat dengan melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pula,” katanya selepas Majlis Konvokesyen Insaniah Ke-12 di sini hari ini.

Pada majlis tersebut Sultan Kedah, Tuan-ku Abdul Halim Mu‘adzam Shah berkenan menyampaikan ijazah serta diploma kepada para graduan Insaniah.



**PENERIMA** Anugerah Jaizah Imtiyaz dari kiri, Aishah Yaakob, Ammar Badruddin Romli, Zulkairi Bidin dan Rabiatul Adawiyah Ismail di Alor Setar, semalam.

Turut hadir Sultanah Kedah, Tuan-ku Haminah Hamidun dan Menteri Besar

Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak. Menurut Rabiatul, dia sentiasa berpe-

gang dengan ayat ‘bukan senang nak senang’ bagi memastikan dirinya sentiasa bersemangat untuk menuntut ilmu.

“Saya akan mengulang-kaji pelajaran pada waktu malam sehingga pagi dan tidak lupa berdoa kepada Allah supaya ilmu saya sentiasa diberkati.

“Anugerah Jaizah Imtiyaz (Rektor) yang diterima hari ini juga adalah hadiah kepada ibu saya yang banyak berkorban untuk kami sekeluarga,” ujarnya.

Dalam pada itu, seorang lagi graduan yang menerima anugerah Jaizah Imtiyaz (Tuanku Canselor), Ammar Badruddin Romli, 24, berkata, tiada amalan khusus yang dilakukannya sepanjang bergelar penuntut sehingga berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam pelajaran.

Dia yang mengambil jurusan Pengajian Syariah berjaya memperoleh Anugerah Dekan pada setiap semester pengajian bermula dari semester pertama hingga semester akhir biarpun seorang yang aktif berpersatuan.

“Saya hanya belajar ikut mood dan tiada masa yang ditetapkan untuk mengulang-kaji pelajaran.

“Pengurusan waktu yang baik amat penting jadi tidak salah untuk kita aktif dalam persatuan asalkan pelajaran tetap menjadi keutamaan,” katanya.